

17.4.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL (SWSI) APRIL 2025: “LAMPU HIJAU”
UNTUK 23 PROJEK KERJA AIR**

• Seberang Perai	10 projek, termasuk penyambungan akhir Paip Menyeberangi Sungai Perai serta kerja-kerja pembaikan/naik taraf di Loji Rawatan Air Sungai Dua.
• Bahagian pulau,	13 projek melibatkan antaranya pengalihan paip berukuran 0.9 meter di Batu Uban dan kerja-kerja naik taraf di Kompleks Bukit Dumbar.

PULAU PINANG, Khamis, 17.4.2025: PBAPP telah memberi "lampu hijau" untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan serentak bagi 23 projek di Seberang Perai dan Pulau Pinang pada 25.4.2025.

Projek utama termasuk:

1. Pembaikan saluran paip 700mm bocor dan 6 kerja naik taraf rumah pam di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU);
2. Penggantian injap 1.2m yang rosak di saluran paip di Jalan Pengkalan Tambang, berhampiran LPA Sungai Dua di SPU;
3. Kerja-kerja penyambungan akhir untuk Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai 1.35m di Seberang Perai Tengah (SPT); dan
4. Pelencongan bahagian saluran paip 0.9m di Kompleks Majlis Sukan Negeri, Batu Uban, Daerah Barat Daya (DBD di bahagian pulau); dan
5. 3 projek menaik taraf operasi pengepaman semula air terawat di Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di DTL.

Pada 14.4.2025 dan 15.4.2025, kakitangan kanan kejuruteraan bekalan air PBAPP telah melawat dan meninjau kerja-kerja penyediaan tapak di LRA Sungai Dua dan di Jalan Pengkalan Tambang, Sungai Perai, Batu Uban dan Bukit Dumbar.

Pada pendapat kami, semua persiapan adalah memuaskan dan bersedia untuk pelaksanaan yang selamat, pantas dan berjaya secara serentak.

Persiapan juga telah dibuat untuk memulakan kerja-kerja 10 lagi projek kerja air sampingan di Bukit Minyak (Seberang Perai Selatan – SPS) dan Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Gedung, Jalan Dato’ Ismail Hashim, Tun Dr. Awang, Stesen Pam Teluk Kumbar di DBD.

Secara ringkasnya, PBAPP akan melaksanakan semua projek kerja air SWSI April 2025 seperti yang dirancang.

Untuk butiran terperinci dan peta tapak projek, sila lawati halaman Facebook PBAPP atau laman web www.pba.com.my.

Manfaat utama

Pada 20.9.2024, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow telah membuka secara rasmi Pakej 12A 114 juta liter sehari (JLH) LRA Sungai Dua. Pengoperasian modul rawatan air baharu ini telah meningkatkan kapasiti reka bentuk maksimum rawatan air LRA kepada 1,342 JLH.

Pelaksanaan 23 projek kerja air berkaitan SWSI April 2025 akan membolehkan PBAPP mengepam dan mengagihkan lebih banyak air terawat pada tekanan lebih tinggi daripada LRA Sungai Dua kepada kira-kira 465,000 pengguna air di Seberang Perai dan bahagian pulau, Pulau Pinang.

Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI)

SWSI April 2025 telah dirancang untuk membolehkan projek kerja air yang diperlukan. SWSI ini dijadualkan bermula dari 10.00 malam pada hari Jumaat, 25.4.2025. Ia akan menjejaskan pengguna air di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua seperti berikut:

• Gangguan bekalan air 24 jam (10.00 malam, 25.4.2025 – 10.00 malam, 26.4.2025)	136,683 pengguna air di SPU, SPT and Daerah Timur Laut (DTL, bahagian pulau).	40%
• Gangguan bekalan air 48 jam (10.00 malam, 25.4.2025 – 10.00 malam, 27.4.2025)	163,502 pengguna air di SPS dan DBD, termasuk kilang dan lapangan terbang.	48%
• Gangguan bekalan air 60 jam (10.00 malam, 25.4.2025 – 10.00 pagi, 28.4.2025)	41,523 pengguna air di kawasan kejiranan hujung paip agihan dan kawasan tinggi SPS dan DBD.	12%
Jumlah	341,708 pengguna air	100%

Untuk butiran lebih terperinci mengenai kawasan dan peta yang terjejas, sila lawati halaman *Facebook* “PBAPP” dan/atau laman web www.pba.com.my

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang akan berlaku berikutan SWSI April 2025. Pengguna yang terjejas harus merancang untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan selama 24 jam, 48 jam atau 60 jam, bergantung pada jangkaan tempoh SWSI di kawasan mereka.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my